



***GRPB CHAMPION AWARD 2021***  
**MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**  
**(MBPP)**





## **PENGENALAN**

---

Pada tahun 2012, Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia untuk menerima pakai *Gender Responsive Budgeting (GRB)* sebagai sebahagian daripada program kerajaan tempatan melalui perkongsian pintar antara kerajaan negeri, kedua-dua kerajaan tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan agensi pelaksana iaitu Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Pada tahun 2014 program ini telah ditukar nama kepada *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB)*, mengambil kira kepentingan melibatkan masyarakat secara aktif dalam proses pembuatan dasar dan bajet.

**GRPB Champion Award** yang diperkenalkan sejak tahun 2019 bertujuan untuk memperkukuh dan mengarusperdanakan GRPB dalam pembuatan keputusan diperingkat MBPP. Selain itu, pertandingan ini bermatlamat memberi pengiktirafan kepada jabatan/unit dalaman MBPP yang telah melaksanakan projek, program atau aktiviti mengikut mekanisme GRPB. Selain menerapkan budaya dokumentasi sebagai budaya kerja dalam pelaksanaan projek, program atau aktiviti. Sebanyak 20 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan bagi edisi kedua ini.

## PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN LATIHAN BERSEPADU MBPP

**Ahi Kumpulan:** Roslinawati Binti Mohd Rashid, Muhammad Taufiq bin Sulaiman, Muhammad Haikal Iskandar bin Mohd Farid, Gogeshwariy A/P Ragu, Mahendran A/L Seregaran



Jabatan Khidmat Pengurusan

**Objektif:** Mendigitalkan sistem pengurusan latihan

**Sinopsis Projek:** Membawa kepada konsep semua di dalam jari anda *"all in your fingertips"*.

**Kumpulan sasaran:** Semua lapisan kakitangan

**Kos Projek:** RM 64,660.00





**Ahli Kumpulan:** Khairol Izwan Bin Salamat, Muhammad Issaifullah Bin Ishak, Sarina Binti Ab Shattar Mohd Shariff Bin Mohd Kassim, Mokagathi a/p Ganesan, Munirah Binti Md Shariff Sereegaran

## NAIKTARAF RUANG BALAI RAKYAT TAMAN TUN SARDON KEPADA TEMU TUN SARDON

Jabatan Khidmat Kemasyarakatan

**Objektif:** Penjenamaan semula (*re-branding*) ruang perpustakaan kepada ruang sosial yang selesa dan interaktif kepada orang ramai mengikut peredaran zaman.

**Sinopsis Projek:** Kemudahan ruang sosial yang kondusif untuk penggunaan masyarakat setempat. Ruang diperbaiki agar penggunaan lebih banyak acara dan aktiviti oleh pelbagai golongan masyarakat yang berbeza dan memenuhi "kelompok berlainan, keperluan berbeza". Pembangunan sosial dan ekonomi. Ruang alternatif (bagi *co-working space* pihak swasta) yang lebih 'mampu' disewakan digunakan oleh semua golongan terutama golongan 'usahawan muda dan golongan kreatif'. *Engagement center among community.*

**Kumpulan sasaran:** Semua lapisan masyarakat

**Kos Projek:** RM 104,990.32

## **URBAN FARMING SKIM STRATA DI PALM COURT**



### **Objektif:**

1. Membangunkan kawasan tanah lapang di dalam skim perumahan *Palm Court* dengan memaksimumkan penggunaan tanah lapang tersebut dengan melibatkan komuniti setempat tanpa mengira gender sekaligus memberi kesedaran kepada mereka terhadap alam semulajadi, hubungan sosial setempat dan ekonomi masyarakat setempat.

2. Membantu komuniti setempat dalam menambah sumber pendapatan terutama kepada golongan yang terkesan dengan pasca pandemik *Covid-19* akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3. Membantu memperkukuh komuniti dengan rakan-rakan bersama agensi berka...

4. Mengenalpasti faktor-faktor penghalang terhadap kejayaan dalam menjayakan pr...

**Kumpulan sasaran:** K...  
*Palm Court*, Pulau Pinang

**Kos Projek:** RM 21,350.00

**Ahli Kumpulan:**

Normarzani Binti Marasik  
Sr. Nik Ariff bin Long Dir  
Hayatul Syamila binti Mohd Saleh  
Nurul Akmar binti Mustaffa  
Ahmad Afzal bin Mohd



Jabatan Pesuruhjaya Bangunan

berkasakan kemahiran  
mewujudkan insentif  
aitan.

or-faktor yang menjadi  
penglibatan komuniti  
projek ini.

omuniti setempat di  
ang

00

**Sinopsis Projek:** Kajian ini bagi mengenal pasti projek pembangunan tanah lapang yang sesuai di skim strata di mana ia dapat melibatkan komuniti tanpa mengira gender sekali gus memberi kesedaran terhadap alam semula jadi, hubungan sosial dan ekonomi masyarakat setempat. Kajian ini juga bagi memastikan projek ini dapat memberi sumber pendapatan tambahan sekali gus meningkatkan kemahiran dalam sektor pertanian.





**Ahli Kumpulan:** Azizul Fahmi Bin Muhamad, Muhammad Syukur Bin Azib, Muhammad Farezudin Syah Bin Zafarin, Mohd Zaid Amri Bin Amiruddin, Mohd Hasni Bin Mohd Noo, Hajah Nor Rezan Binti Haji Sulaiman, Nurayuni Binti Abdul Hamid, Zuraida Binti Md Kamal, Siti Ramlah Binti Taib, Nur Syairah Binti Fazil



## CADANGAN MENAIKTARAF TAMAN KEJIRANAN DESA MAWAR, AYER ITAM, PULAU PINANG

---

Jabatan Landskap

**Objektif:** Selaras dengan visi Kerajaan Negeri ke arah menjadikan Pulau Pinang negeri yang Bersih, Hijau, Selamat, Sihat dan Ceria (*Cleaner, Greener, Safer, Healthier, and Happier Penang*)

- berlandaskan kepada prinsip "*Low Investment, High Impact*"
- menuju sebuah "*Low Carbon Liveable and Smart City*"
- mewujudkan persekitaran bandaraya yang berkualiti sesuai untuk didiami, bekerja, belajar dan beriadah (*A place To Live, To Work, To Learn, and To Play*)

**Sinopsis Projek:** Projek ini dimulakan pada 3.5.2021 dan siap pada 2.1.2022. Tempoh pelaksanaan projek selama 8 bulan dan tempoh penyelenggaraan selama 12 bulan. Jabatan menggunakan kaedah *Gender Responsive & Participatory Budgeting (GRPB)* dengan mengambilkira proses penglibatan komuniti secara inklusif dalam melaksanakan projek ini dan bajet yang dibelanjakan tepat kepada kumpulan sasaran.

**Kumpulan sasaran:** Penduduk setempat/ masyarakat setempat/ warga Pulau Pinang

**Kos Projek:** RM 686,470.60

**Objektif:**

- a) Menjadikan lorong belakang sebagai salah satu tarikan pelancong
- b) Menaiktaraf sistem perparitan supaya lebih efisien
- c) Mengekalkan salah satu identity Tapak Warisan Dunia *UNESCO George Town*
- d) Menurunkan kepanasan kawasan sekitar – lorong yang mesra pejalan kaki
- e) Mengindahkan kawasan sekitar lorong belakang yang dahulunya suram
- f) Meningkatkan rasa kekitaan di kalangan komuniti setempat

**Sinopsis Projek:** Projek ini merupakan projek menaiktaraf salah satu lorong belakang sedia ada dalam Tapak Warisan Dunia George Town. Projek rejuvenasi ini melibatkan laluan awam yang sering digunakan oleh penduduk tempatan dan juga para pelancong dari dalam dan luar negara kerana ia merupakan laluan singkat ke Lebuh Armenian dari Lebuah Ah Quee. Selain itu, di sepanjang laluan ini terdapat seni jalanan terutamanya lukisan mural yang menarik minat pelancong mengambil gambar di laluan ini.

**Kumpulan sasaran:** Komuniti yang terlibat adalah penduduk,peniaga dan orang awam/pelancong

**Kos Projek:** RM 125,000.00



## MENREJUVENASI LALUAN AWAM YANG MENGHUBUNGKAN LEBUH ARMENIAN KE LEBUH AH QUEE

Jabatan Konservasi Warisan

**Ahli Kumpulan:** Mushirah Binti Mohamad Badaruddin, Fazreen Dharleila Binti Abdul Jalil, Muhammad Zakuan Hidayatullah Bin Zulkefli, Muhammad Aizuddin Bin Mohd Fuad



**Ahli Kumpulan:** Bavani Sundaramoorthy, Mohammad Noor Helmi Bin Jamain, Helena Hema A/P Raymond Dass, Gabriel A/L Peter, Muhammad Syafiq Bin Kamil Fuad, Noor Syarmilla Bt Rahim, Mohd Fauzi Bin Taib, Yusni Bt Md Rashidi

## DON'T TRASH OUR FUTURE: RECYCLE

Unit Undang-Undang

### Objektif:

Memenuhi keperluan kajian tentang amalan pengasingan sisa di punca dan amalan kitar semula oleh golongan isi rumah dlm komuniti di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

### Sinopsis Projek:

Kajian telah dijalankan untuk mengetahui tentang amalan pengasingan sisa di punca dan amalan kitar semula oleh golongan isi rumah dalam komuniti di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Kajian telah dilaksanakan berdasarkan kepada 3 kaedah iaitu kaji selidik, lawatan sambil belajar dan pendekatan kumpulan tumpu bincang. Kajian mendapati peratusan penglibatan komuniti masih di tahap rendah dan masih memerlukan pendidikan awam secara berterusan.

### Kumpulan sasaran:

Komuniti di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

**Kos Projek:** RM 2,000.00





## MOVE (MBPP ONE VISION EXERCISE)

Jabatan Kesihatan Persekutaran

**Ahli Kumpulan:** Dr Chin Wee Loon, Dr Judy Shoba A/P Robert Rajah, Noor Widayati binti Yahya, Sister Ghandi Mathi A/P Murugiah, Paandiyan A/L Chandaran, Muhammad Naim bin Zairni, Muhamad Fairus bin Ahmad, Saravane Selvi A/P Sendisa Sagaram, Nor Asy Shifa binti Othman, Noranrohaiza binti Abd Ghani



**Objektif:** Mengurangkan kadar obesiti di kalangan warga MBPP dan melatih warga MBPP ke arah amalan gaya hidup sihat.

**SinopsisProjek:** Pertandingan diadakan untuk membolehkan para peserta mencapai objektif program MOVE di mana pemenang ditentukan melalui jumlah pengurangan berat badan yang terbanyak secara berkumpulan.

**Kumpulan sasaran:** Golongan obesiti

**Kos Projek:** RM 4,400.00



## ALAT GO UP

Jabatan Penguatkuasaan

**Ahli Kumpulan:** Mohd Azizan Bin Md Desa  
Azizah Binti Shariff, Noradillah Bt Mat Lazim  
Siti Asa Binti Abu Bakar, Muhammad Nasrulhaq  
bin Mohamed Sharuddin, Mohd Khairul Nizam  
Bin Ramli, Rahmat Bin Wahab



**Objektif:** Tindakan penguatkuasaan lebih mudah

**Sinopsis Projek:** Alat *Go Up* merupakan satu alatan dwifungsi iaitu ia boleh mengubah kenderaan serta menukar tayar kenderaan dengan lebih mudah.

**Kumpulan sasaran:** Agensi penguatkuasaan JPJ, PDRM, JMB, Kompleks Perniagaan dan juga PBT.

**Kos Projek:** RM 500.00

## MENAIKTARAF LORONG SISI YANG MENGHUBUNGKAN LEBUH PANTAI DAN LEBUH VICTORIA

**Ahli Kumpulan:** Muhammad Zakuan Hidayatullah Bin Zulkefli, Mushirah Binti Mohamad Badaruddin, Muhammad Aizuddin Bin Mohd Fuaad, Fazreen Dharleila Binti Abdul Jalil



Jabatan Konservasi Warisan



**Kumpulan sasaran:**  
Penduduk setempat  
dan orang awam

**Kos Projek:** RM 126,800.00

**Objektif:** Ia merupakan salah satu projek dalam usaha Jabatan Konservasi Warisan dalam menrejuvenasikan 9km lorong-lorong belakang dan sisi serta laluan awam di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO ini bagi tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2019 sehingga tahun 2023.

**Sinopsis Projek:** Projek rejuvenasi ini melibatkan sebuah lorong sisi yang menghubungkan Lebuh Pantai dan Lebuh Victoria di mana lorong ini sering digunakan oleh pemandu kereta dan motorsikal yang melalui jalan tersebut sebagai laluan pintas. Sebelum ini keadaan lorong sisi tersebut agak suram dan kotor serta digunakan sebagai tempat letak kenderaan secara haram.

# PENGURUSAN SISTEM TEMPAT LETAK KERETA DAN KOMPAUN MBPP

Jabatan Perbendaharaan



**Ahli Kumpulan:** Noorazrein Bin Noorazlan Ong, Afiza Binti Abdulwahab



**Objektif:**

- a) Menyediakan satu kemudahan kepada rakyat Pulau Pinang khususnya untuk menggunakan perkhidmatan TLK secara efisien dan mesra pengguna.
- b) Mengantikan kaedah pembayaran caj TLK yang masih menggunakan kupon sebagai kaedah pembayaran.
- c) Memudahkan rakyat Pulau Pinang untuk memanfaatkan kemudahanteknologi ICTteknologi ICTsebagai medium pemudah cara.
- d) Menjimatkan masa pengguna untuk mencari dan membeli kupon untuk membayar caj TLK.
- e) Menggunakan *E-Wallet* sebagai mendium pembayaran dan bersedia ke arah masyarakat tanpa tunai (*cashless society*)
- f) Mengurangkan pencemaran alam dan jejak carbon (*carbon footprint*) dengan menghapuskan penggunaan kupon.
- g) Meningkatkan hasil dan mengurangkan percetakan dan pembentukan nilai ekonomi yang tinggi.

**Sinopsis Projek:** Projek merangkumi usaha menaiktaraf sistem pengurusan tempat letak kereta menggunakan sensor berteknologi tinggi yang berupaya menghantar rekod bayaran ke server dan dapat membantu penguatkuasa mengesan pesalah tidak menjelaskan bayaran tempat letak pada masa nyata. Dengan adanya projek ini keperluan pelbagai kelompok masyarakat dapat dipenuhi dengan memudahkan proses bayaran tempat letak kereta dan kompon secara atas talian dan tanpa menggunakan kertas.

**Kumpulan sasaran:** Semua penduduk Pulau Pinang

**Kos Projek:** Percuma (*Private Funding Initiative*)

**Objektif:**

- a) Untuk mengenalpasti kemudahan dan fasiliti yang diperlukan oleh penyewa dan penduduk di skim Perumahan Awam MBPP Jalan Jelutong; dan
- b) Untuk menentukan, menganalisa dan menyediakan keutamaan kemudahan dan fasiliti di skim Perumahan Awam MBPP Jalan Jelutong berdasarkan kepada hasil soal selidik.

**Sinopsis Projek:** Skim perumahan ini dipilih disebabkan kekerapan penerimaan aduan dan masalah yang dihadapi oleh penyewa terhadap kekurangan kemudahan dan keperluan disediakan di skim ini. Jabatan telah memenuhi 2 objektif utama yang ditetapkan. Pelaksanaan projek telah disiapkan pada Januari 2022 meliputi menaiktaraf kemudahan OKU dan penyediaan tempat pengumpulan sampah. Pelaksanaan 2 projek pada 2022 meliputi menaiktaraf perparitan dan pemasangan pagar. Manakala kemudahan lain akan dilaksanakan secara berperingkat

**Kumpulan sasaran:** Kumpulan dewasa dan warga emas

**Kos Projek:** RM 47,401.23


## BAJET PENYERTAAN RAKYAT DI SKIM PERUMAHAN AWAM MBPP DI JALAN JELUTONG

Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta



**Ahli Kumpulan:** Sr Khairul Anaz Bin Murat, Mardiana Binti Saad, Suhaimi Bin Ahmad, Shahrul Azmi Bin Ahmad, Siti Salasiah Bt Awang, Aziana Bt Ahmad, Salliza Binti Salleh, Mohd Idwan Bin Idris, Siti Zubaidah Binti Mohamed, Mohamad Azizi Bin Azmi

## APRESIASI TAPAK WARISAN DUNIA GEORGE TOWN



### Objektif:

- a) Memupuk minat dan penghargaan terhadap nilai sejarah dan warisan di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town di kalangan peserta
- b) Meningkatkan pengetahuan peserta mengenai bangunan warisan dan Tapak Warisan Dunia George Town
- c) Mengembangkan dan meningkatkan kemahiran kanak-kanak dalam bidang seni lukis
- d) Mewujudkan jalinan lebih utuh antara ibu (pertandingan melukis) mewujudkan suasana antara kakitangan Jabatan KONSERVASI BANGUNAN
- e) Memupuk semangat kalangan kanak-kanak
- f) Melebarkan penglibatan dalam pelaksanaan program kakitangan Jabatan KONSERVASI BANGUNAN



**Ahli Kumpulan:**

Muhammad Aizuddin Bin Mohd Fuaad,  
Fazreen Dharleila Binti Abdul Jalil, Mushirah  
Binti Mohamad Badaruddin, Muhammad  
Zakuan Hidayatullah Bin Zulkefli



Jabatan Konservasi Warisan

n kekeluargaan yang  
bapa dan anak-anak  
s dan mewarna) dan  
a yang lebih mesra  
abatan MBPP (kursus  
warisan)

gat berdaya saing di  
k

alaman dalam  
n di kalangan  
onservasi Warisan

**Sinopsis Projek:** Program Apresiasi Tapak Warisan Dunia George Town ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Konservasi Warisan bagi memberi pendidikan dan pendedahan serta menitipkan semangat cintakan bandar warisan George Town kepada orang awam khususnya Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

**Kumpulan sasaran:** Kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Kos Projek:** TIADA

## MBPP SMART PAY

Jabatan Perbendaharaan



**Ahli Kumpulan:** Nor Hazliza Binti Ismail  
Roedayuni Binti Ramli  
Firdaus bin Mohamad  
Mohamad Farid bin Fauzir  
Rohaya binti Mohamed Rashid,  
Noor Ishiraw Hanim binti Mohd Jamil,  
Salbiah Binti Kader Ansari  
Nur Safwan Bin Ahmad  
Nor Azirah Binti Omar

### Objektif:

- Menambah baik perkhidmatan MBPP *Smart Pay* yang mesra pengguna
- Membudayakan MBPP *Smart Pay* untuk meningkatkan tahap penggunaan dan kepuasan pengguna
- Meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan MBPP *Smart Pay*

**Sinopsis Projek:** MBPP *Smart Pay* merupakan inisiatif bagi memperluaskan kaedah pembayaran kepada pengguna khususnya warga Pulau Pinang secara elektronik dengan menggunakan mod bayaran tanpa tunai (kad kredit, kad debit dan *E-wallet*) melalui pelbagai saluran bayaran (*Smart counter*, *e-Bayar*, *Smart Kiosk*, *JomPAY*, *Penang Smart Parking & SnapNPay*)

**Kumpulan sasaran:** Memenuhi dan mengambil kira setiap kelompok etnik, jantina, umur, golongan OKU dan kedudukan geografi serta sempadan di negeri Pulau Pinang dan lain-lain negeri.

**Kos Projek:** RM 118,800.00

**Ahli Kumpulan:** Sr.Hj Shalehudin Bin Hashim,  
Zatul Asmah Binti Mat Isa



## **KOMUNITI CAT (COMPETENCY, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY)**

Jabatan Khidmat Pengurusan

**Kumpulan sasaran:**  
Komuniti setempat

**Kos Projek:** RM 2,000.00



### **Objektif:**

- a) Melibatkan gender pelbagai kaum dalam projek
- b) Penjimatan wang dan kos bagi kerja-kerja komuniti
- c) Tindakan dilihat cepat dan berkesan
- d) Kepuasan dari komuniti setempat apabila kehendak mereka dipenuhi
- e) Selari dengan Dasar Komuniti Negara, menjaga harta awam secara bersama

**Sinopsis Projek:** Projek ini merupakan satu aktiviti melibatkan pelbagai kaum dalam komuniti setempat bagi menangani serta menjaga padang mainan/ padang permainan secara penyerahan terus kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan beserta pembiayaan wang (tanpa menyerah kepada syarikat swasta) kepada komuniti setempat seperti Persatuan Penduduk atau Rukun Tetangga.

## KE ARAH PASAR YANG LEBIH KONDUSIF

Bahagian Pelesenan



**Ahli Kumpulan:** Bawani A/P Murugasan  
Intan Binti Amran Chew  
Rohayda binti Ali  
Taufik Bin Junik  
Muhammad Amar Bin Hashim  
Muhammad Helmy Jufri Bin Rusli  
Mazni binti Suaib  
Khairunnisa Md Saad



## **Objektif:**

Matlamat utama ke arah pasar yang lebih kondusif ini adalah memastikan tiada aktiviti penyembelihan dan memproses unggas hidup di pasar-pasar awam, pasaraya, kawasan persendirian atau mana-mana premis yang tidak mendapat kebenaran bertulis daripada majlis sebagai rumah penyembelihan.

**Sinopsis Projek:** Pihak Majlis telah mengambil langkah proaktif untuk melarang semua aktiviti penyembelihan ayam/itik/unggas hidup dengan serta-merta bagi mengelak berlaku kejadian penyakit zoonotik memandangkan pada masa itu tiada kajian saintifik dilaporkan. Pada masa kini, tiada sebarang aktiviti penyembelihan dan memproses ayam/ itik/ unggas di pasar atau tapak penjaja

Majlis. Matlamat utama ke arah pasar yang lebih kondusif ini adalah memastikan tiada aktiviti penyembelihan dan memproses unggas hidup di pasar-pasar awam. Langkah ini diambil antaranya adalah bagi mengurangkan kekotoran pasar. Kejayaan projek ini bergantung pada kesedaran peniaga dan pembeli dalam menerima pakai konsep *chiller*. Ini juga merupakan salah satu kaedah Majlis membantu mengurangkan beban peniaga yang perlu menanggung kos pembelian Majlis telah membelanjakan sebanyak RM 387,526.57 dalam membuat kerja-kerja naik taraf gerai agar berada dalam sesuai untuk pemasangan *chiller*.

**Kumpulan sasaran:** Peniaga Ayam dan Orang Awam

**Kos Projek:** TIADA

## PENGINDAHAN MENGGUNAKAN PRODUK **UPCYCLE**

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran



**Ahli Kumpulan:** Hashim bin Johan, Noor Faizal bin Abu, Ahmad Nizar bin Nordin, Muhammad Azlee bin Shariff, Mohamad Hakimi Bin Seeni Mydin, Rizal Effendi bin Mohd Radzi, Nadiah Afina binti Tajul Mulok, Nurul Sefenar binti Yusof, Siti Noor Irdina binti Sidek, Nazihah binti Mohd Noor, Mohd Taufik bin Junik, Mohamad Khairui Hailmie bin Mohamad Zamuri

### **Objektif:**

Mengurangkan pembuangan sampah ke tapak pelupusan serta mengurangkan kos pelupusan sampah serta menggalakkan orang awam mengitar semula sampah untuk dijadikan barangan perhiasan.

**Sinopsis Projek:** Projek yang berfaedah untuk orang awam dan pelajar sekolah untuk diadaptasi dalam kehidupan seharian.

**Kumpulan sasaran:** Kakitangan majlis, orang awam dan pelajar sekolah menengah dan rendah.

**Kos Projek:** RM 2,000.00

## TRANSFORMASI PEMBANGUNAN KEJIRANAN DI SEKITAR KAMPUNG MALABAR, GEORGE TOWN

Jabatan Konservasi Warisan

### Kumpulan sasaran:

Penduduk sekitar dan orang awam

**Kos Projek:** RM 458,562.07



**Ahli Kumpulan:** Fazreen Dharleila Binti Abdul Jalil, Muhammad Aizuddin Bin Mohd Fuaad, Mushirah Binti Mohamad Badaruddin, Muhammad Zakuan Hidayatullah Bin Zulkefli

**Objektif:** Untuk menambah ruang terbuka awam yang kehijauan di bandar, mewujudkan jalan-jalan yang selamat, selesa, dan mempunyai kesalinghubungan tanpa halangan untuk semua pengguna pejalan kaki dan berbasikal serta mewujudkan pembangunan kejuranan bandar yang harmoni, selamat dan hijau.

**Sinopsis Projek:** Projek yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf lorong belakang ini dilaksanakan mengikut konsep mesra pejalan dan berbasikal dengan menyediakan kemudahan untuk pejalan kaki dan berbasikal secara selesa dan selamat. Sesungguhnya fleksibiliti mod pengangkutan yang dapat memberi pilihan kepada pengguna untuk sampai ke destinasi, perlu disokong dengan perancangan dan integrasi laluan yang dapat memastikan keselamatan dan mengurangkan risiko kemalangan, pelepasan karbon dan pencemaran.



## NIGHT SHELTER

Jabatan Kawalan Bangunan

**Ahli Kumpulan:** Ooi Pen Yee  
Muhammad Qais Qayyum Bin Mokhtar  
Supawadi A/P Een  
Juliana Binti Ismail  
Ahmad Shafiq B. Mohamad  
Tan Lin Hai



**Objektif:** Pembangunan Pusat Transit Gelandangan yang konsep berteraskan program *'Empowering the Street Citizens'* selaras dengan tema utama Visi Penang 2030 iaitu meningkatkan taraf serta kualiti hidup penduduk, mengembangkan saiz ekonomi, meningkatkan pendapatan isi rumah demi memperkasa rakyat negeri Pulau Pinang.

**Sinopsis Projek:** Pembangunan Pusat Transit Gelandangan yang melibatkan 3 tingkat bangunan baru dan membaik pulih 2 tingkat bangunan warisan akan dilengkapi dengan tempat penginapan sementara, pusat komuniti, dobi, kafe, ruang kitar semula dan juga keperluan asas lain kepada golongan gelandangan. Pusat ini yang direka bentuk mengikut konsep *Triple Net Zero* dan *Green Building Index* akan dapat membendung isu gelandangan di negeri Pulau Pinang.

**Kumpulan sasaran:** Golongan gelandangan dan penduduk Pulau Pinang.

**Kos Projek:** RM 4,400,400.00





## MAKERSPACE @ BALIKPULAU

Jabatan Khidmat Pengurusan

### Ahli Kumpulan:

Sri Mageswari A/P Pattel  
Nurul Izzati binti Amiruddin  
Nurhafzah binti Mohamed Salim  
Muhammad Nazri bin Wan Shah



**Objektif:** Ruang kawasan di mana seseorang boleh berkumpul untuk membuat, mereka, mencipta dan belajar ke arah memastikan kualiti pendidikan saksama dan menggalakkan pertumbuhan pembelajaran *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)*.

**Sinopsis Projek:** Pelanggan akan menerima manfaat sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada program/ projek/ aktiviti. Program dan perkhidmatan dan produk-produk yang dihasilkan menerusi program/ projek atau aktiviti yang boleh diukur. Ia juga menilai kesan tindakan sebenar matlamat/ perubahan besar ada yang disasarkan sebagai hasil kerja kita.

**Kumpulan sasaran:** Kanak-kanak, penduduk taman, lelaki dan wanita dewasa, OKU

**Kos Projek:** RM 150,000.00

## A Date With Mayor MBPP and PAM NC

Jabatan Kawalan Bangunan



**Ahli Kumpulan:**

- Lee Tit Kun
- Cho Ching Sin
- Chng Hui Jiun
- Mohd Syamim bin Mohd Dzilal



### **Objektif:**

Untuk mengubah Pulau Pinang menjadi bandar keterangkuman gender yang kemampuan karbonnya rendah untuk penduduk teruskan kehidupan, belajar, bekerja dan bermain.

### **Sinopsis Projek:**

- a) Bandar kita, tanggungjawab bersama
- b) Tiada siapa dipinggirkan
- c) Kelompok berlainan, keperluan berbeza

### **Kumpulan sasaran:**

Semua golongan rakyat/ penduduk di bahagian pulau, Pulau Pinang

**Kos Projek:** RM 20,000.00



## GRPB Champion Award 2021

- **Tempat Pertama** akan menerima **plak pemenang** dan wang tunai bernilai **RM 8,000.00** serta membawa pulang **piala pusingan**.
- **Tempat Kedua** akan menerima **plak pemenang** dan wang tunai bernilai **RM 5,000.00**.
- **Tempat Ketiga** akan menerima **plak pemenang** dan wang tunai bernilai **RM 3,000.00**.
- **Tempat Keempat** akan menerima **plak pemenang** dan wang tunai bernilai **RM 1,500.00**.
- **Tempat Kelima** akan menerima **plak pemenang** dan wang tunai bernilai **RM 1,000.00**.
- **Finalis** akan menerima wang sugu hati bernilai **RM500.00**.
- Semua peserta akan menerima **sijil penyertaan**.













GRPB – The Penang Model



@GRPBPenang

**“Kelompok Berlainan, Keperluan Berbeza”**

